



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2018

**PEMBERIAN ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN
DAN ANUGERAH PENCERAMAH CEMERLANG BULANAN**

1. TUJUAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan dan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan merupakan inisiatif penghargaan kepada kakitangan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) yang menunjukkan prestasi cemerlang secara bulanan.

2. PENGENALAN

- 2.1 Bermula Januari 2018, pihak pengurusan INSTUN telah bersetuju untuk memberi penghargaan kepada kakitangan tetap INSTUN setiap bulan menerusi Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan dan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan
- 2.2 Anugerah ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan pihak pengurusan kepada kakitangan dan penceramah yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan telah memberi sumbangan dalam menaikkan imej organisasi melalui pencapaian dalam bidang/aktiviti yang diceburi.

3. TERMA RUJUKAN PEMILIHAN ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

3.1 Pencalonan Pegawai

Dua (2) orang penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan akan diberi setiap bulan iaitu satu (1) pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan satu (1) pegawai dari Kumpulan Pelaksana. Pencalonan dilaksanakan setiap bulan dan hendaklah dibuat oleh Ketua Seksyen/Ketua Program dan Ketua Bahagian masing-masing. Setiap bahagian boleh mencalonkan dua (2) orang pegawai iaitu satu (1) pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan satu (1) pegawai dari Kumpulan Pelaksana beserta justifikasi dengan mengisi borang seperti di Lampiran A. Kakitangan yang dicalonkan hendaklah memenuhi kriteria penilaian yang dinyatakan di perkara 3.2.

3.2 Kriteria Penilaian

Kriterian penilaian untuk pekerja cemerlang bulanan adalah seperti berikut;

BIL	KRITERIA	PERINCAN
1.	Komitmen terhadap kerja	Memberikan sepenuh tenaga, perhatian dan menunjukkan sokongan serta azam yang sepenuhnya semasa melaksanakan sesuatu kerja/tugasan.
2.	Kesempurnaan kerja	Menunjukkan inisiatif dalam mencapai kesempurnaan terhadap kerja yang diamanahkan
3.	Disiplin	Berkelakuan baik dan berkeupayaan mengawal diri dengan patuh kepada tatatertib dan peraturan yang telah ditetapkan
4.	Nilai tambah	Menyumbang kepada aspek inovasi dan kreativiti untuk memperbaiki dan memperkemaskan sistem atau proses kerja kepada yang lebih baik
5.	Ketepatan masa	Melaksanakan sesuatu kerja/tugasan, program, janji dan komitmen mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan
6.	Kerjasama	Menunjukkan perlakuan bekerja bersama-sama dalam memberi sokongan, menyumbang dan bersefahaman
7.	Integriti	Mengamalkan budaya murni, mempunyai budi pekerja yang mulia seperti jujur, amanah, sederhana, berdedikasi dan beradab
8.	Penyertaan dalam aktiviti Jabatan	Melibatkan diri secara aktif serta memberi sokongan sepenuhnya dalam program dan aktiviti yang dianjurkan di peringkat jabatan dan kementerian.
9.	Rekod kehadiran yang baik	Tidak lewat, tidak mengambil cuti tanpa kebenaran atau melebihi kelayakan bulanan, tidak mengambil cuti sakit melebihi 2 hari dan tiada rekod keluar untuk urusan peribadi pada waktu bertugas melebihi 4 jam pada bulan penilaian.

Jadual 3.1: Kriteria Pemilihan Pekerja Cemerlang Bulanan

3.3 Pemilihan Penerima Anugerah

Penerima anugerah dipilih berdasarkan pencalonan daripada bahagian dan memenuhi kriteria penilaian serta perakuan Pengarah INSTUN.

4. TERMA RUJUKAN PEMILIHAN PENCERAMAH CEMERLANG BULANAN

4.1 Pencalonan Pegawai

Calon untuk penganugerahan adalah semua penceramah dalaman INSTUN yang mempunyai rekod mengajar pada bulan penilaian berdasarkan rekod mengajar penceramah INSTUN dalam sistem e-SPEK. Tiga (3) orang penceramah terbaik akan dicalonkan pada setiap bulan penilaian. Borang Pencalonan adalah seperti di Lampiran B.

4.2 Kriteria Penilaian

Penceramah yang dicalonkan adalah dinilai berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- i. Jumlah Jam Mengajar – 100 markah
- ii. Skor Penilaian Penceramah - 100 markah
- iii. Nilai Tambah – 50 markah

4.2.1 Pemarkahan untuk jumlah jam mengajar

Penentuan pemarkahan untuk jam mengajar bagi setiap penceramah adalah berdasarkan jadual berikut:

JUMLAH JAM MENGAJAR	MARKAH
2 - 4 jam	70
5 - 7 jam	80
8 - 11 jam	90
12 jam dan ke atas	100

Jadual 4.1: Skala Pemarkahan Jam Mengajar

4.2.2 Pemarkahan berdasarkan skor penilaian penceramah

Markah bagi skor penilaian penceramah diambil dari skor sebenar yang diperoleh oleh setiap penceramah dari penilaian peserta kursus secara purata di dalam sistem eSPEK. Markah penuh bagi aspek ini adalah 100 markah.

4.2.3 Pemarkahan bagi aspek nilai tambah penceramah

Aspek nilai tambah penceramah akan dinilai oleh Ketua Bahagian penceramah berdasarkan kriteria pemarkahan di Jadual 4.2. Markah penuh yang boleh diberikan bagi aspek ini adalah 50 markah.

BIL	KRITERIA	WAJARAN MARKAH
1.	Daya usaha	10
2.	Keterampilan	10
3.	Disiplin dan ketepatan masa	10
4.	Sumbangan konsultasi	10
5.	Pelaksanaan projek penyelidikan dan penghasilan penulisan akademik	10

Jadual 4.2: Kriteria dan Pemarkahan Aspek Nilai Tambah Penceramah

4.3 Pemilihan Penerima Anugerah

Penerima anugerah akan ditentukan melalui peratusan dari hasil tambah markah untuk jumlah jam mengajar, skor penilaian penceramah dan aspek nilai tambah. Markah maksimum yang boleh diperoleh oleh seorang penceramah adalah 250 markah. Penceramah yang memperoleh peratus markah terbanyak yang diperakukan oleh Pengarah INSTUN akan diberi Anugerah Penceramah Cemerlang bagi bulan penilaian.

4.3.1 Contoh pengiraan markah bagi setiap penceramah

Jumlah jam mengajar En. Danial bagi bulan Januari adalah 8 jam. Berdasarkan Jadual 4.1, markah jam mengajar yang diperoleh adalah 90 markah. Skor penilaian En. Danial dalam eSPEK bagi bulan Januari adalah 90%. Markah aspek tambah nilai yang diberikan oleh Ketua Bahagian En Danial adalah 45 markah. Maka, jumlah markah yang diperoleh oleh En Danial adalah 225 markah. Oleh itu, peratus markah En Danial adalah:

$$\frac{90 + 90 + 45}{250} \times 100 = 90\%$$

4.3.2 Markah seri

Sekiranya markah tertinggi diperoleh oleh lebih dari seorang penceramah, penceramah yang mempunyai jumlah jam mengajar paling banyak akan diberi keutamaan. Sekiranya masih sama,

penceramah yang memperoleh skor penilaian penceramah akan diberi keutamaan dan sekiranya masih juga sama, penentuan adalah tertakluk sepenuhnya kepada Pengarah INSTUN.

5. Perakuan Penerima Anugerah

- 5.1 Pemberian Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan dan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan kepada pegawai yang difikirkan layak untuk dicalonkan oleh Ketua Seksyen/Ketua Program dan Ketua Bahagian dan diperakukan oleh Pengarah INSTUN adalah muktamad. **TIADA HAD** bilangan anugerah yang boleh diterima oleh seseorang pegawai di mana setiap kakitangan boleh dicalonkan dan diperakukan lebih dari satu bulan sekiranya layak. Sekiranya tiada pegawai yang memenuhi kriteria penilaian, bahagian tidak perlu mengemukakan pencalonan.
- 5.2 Pegawai yang berjaya menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan dan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan akan diberi sijil penghargaan dan disampaikan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan INSTUN. Maklumat pegawai yang berjaya menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan dan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan ini juga akan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan dan akan dipaparkan dalam Laman Web INSTUN.
- 5.3 Penerima juga akan mempunyai kelebihan untuk dicalonkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Pekerja Berketerampilan Pengarah INSTUN (AKP).

Sekian, terima kasih.

“NEGARAKU ALAM SEKITARKU”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NOREHAN BINTI OMAR)
PENGARAH
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Tarikh: 26/1/2018

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
Borang Pencalonan Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan

BULAN: **TAHUN:**

BAHAGIAN:

Calon Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)

Nama	
Jawatan/Gred	
Justifikasi
Semakan Kehadiran <i>(Diisi oleh PSM)</i>	Lewat: Cuti: MC: Keluar pejabat:

Calon Kumpulan Pelaksana (Gred 11 hingga 40)

Nama	
Jawatan/Gred	
Justifikasi
Semakan Kehadiran <i>(Diisi oleh PSM)</i>	Lewat: Cuti: MC: Keluar pejabat:

Tandatangan Ketua Program/Seksyen,

Tandatangan Ketua Bahagian,

(.....)

(.....)

Tarikh :

Tarikh :

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
Borang Pencalonan Anugerah Penceramah Cemerlang Bulanan

BULAN: TAHUN:

BAHAGIAN:

Nama			
Jawatan/Gred			
Markah Jam Mengajar <i>(100 markah) (Diisi oleh R&D)</i>	Jumlah jam: Markah: <i>*rujuk jadual 4.1: Skala Pemarkahan Jam Mengajar</i>		
Skor Penilaian Penceramah <i>(100 markah) (Diisi oleh R&D)</i>	Purata Markah:		
Nilai Tambah <i>(50 markah) (Diisi oleh Ketua Bahagian)</i>	BIL	KRITERIA	WAJARAN MARKAH
	1.	Daya usaha	10
	2.	Keterampilan	10
	3.	Disiplin dan ketepatan masa	10
	4.	Sumbangan konsultasi	10
	5.	Pelaksanaan projek penyelidikan dan penghasilan penulisan akademik	10
			50
<i>Jadual 4.2: Kriteria Pemarkahan Aspek Nilai Tambah Penceramah</i>			
Ulasan:			
.....			
.....			
Jumlah Markah <i>(250 markah)</i>	Jumlah markah:	(/ 250)	
	Peratus:		

Tandatangan Ketua Bahagian,

()

Tarikh :

PERAKUAN PENGARAH

BULAN: TAHUN:

1. ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

PEGAWAI YANG DIPERAKUKAN:

.....

ULASAN (sekiranya ada):

.....

.....

2. ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN KUMPULAN PELAKSANA

PEGAWAI YANG DIPERAKUKAN:

.....

ULASAN (sekiranya ada):

.....

.....

3. ANUGERAH PENCERAMAH CEMERLANG BULANAN

PEGAWAI YANG DIPERAKUKAN:

.....

ULASAN (sekiranya ada):

.....

.....

Tandatangan,

(.....)

NOREHAN BINTI OMAR

PENGARAH

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Tarikh: